

TARIKH	RABU, 29 MAC 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KAEDAH BERKESAN TINGKAT KUTIPAN HASIL CUKAI
M/S	5
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

BH Rabu, 29 Mac 2023

Nasional

Kaedah berkesan tingkat kutipan hasil cukai

e-invois lancarkan sistem percukaian jadikan lebih sistematik, cekap

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan dijangka memperoleh sekurang-kurangnya RM300 bilion dengan pelaksanaan e-invois oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), tahun depan.

Pakar ekonomi berkata, e-invois adalah satu kaedah baharu yang berkesan untuk meningkatkan kutipan hasil cukai kerajaan.

Pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai, berkata ketika ini, negara dianggarkan kehilangan kira-kira 21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau kira-kira RM300 bilion, kesan daripada ekonomi gelap atau *black economy*.

Ekonomi gelap merujuk kepada aktiviti ekonomi yang tersembunyi atau jenayah terancang yang terlepas daripada pihak berkuasa dan sukar dikesan.

Beliau berkata, pelaksanaan e-invois akan melancarkan sis-

tem percukaian dan menjadikannya lebih sistematik serta cekap.

“Dengan langkah itu juga, kerajaan tidak perlu mengenakan sebarang cukai baharu kepada rakyat dalam masa terdekat,” katanya kepada BH.

Beliau mengulas inisiatif baharu dikenali sebagai e-invois, yang dilaksanakan LHDN bagi memudahkan pembayar cukai menyimpan dan mengawasi rekod kewangan masing-masing.

Kelmarin, Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Mohd Nizom Sairi, berkata e-invois akan membantu simpanan rekod kewangan pembayar cukai, yang dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya mulai awal tahun depan.

Beliau berkata, inisiatif itu dirangka selepas LHDN mengambil kira kesukaran pembayar cukai menyimpan rekod kewangan masing-masing bagi tempoh tujuh tahun seperti ditetapkan ketika ini.

“Menerusi inisiatif e-invois pembayar cukai tidak perlu lagi

e-invois ganti resit untuk pelepasan cukai



Keratan akhbar BH semalam

risau untuk mengemukakan resit ketika memohon pelepasan cukai.

“Inisiatif e-invois ini nanti Insya-Allah boleh mengubah perkara ini (dokumen berkaitan pelepasan cukai hilang atau sudah lusuh akibat gagal disimpan dengan rapi).

“Pada dasarnya, jika sudah dilaksanakan sepenuhnya, e-invois ini akan dapat membantu dari segi mengurangkan bebanan rekod simpanan dokumen pembayar cukai.

“Ini kerana, kebanyakan maklumat (berkaitan rekod kewangan pembayar cukai) sudah berada pada LHDN,” katanya.

Barjoyai menambah, kaedah e-invois secara langsung menetapkan syarikat dan perniagaan mengemukakan semua maklumat urus niaga kepada LHDN.

LHDN jejak urus niaga

Katanya, ini membolehkan LHDN menjejak urus niaga dan mengira kemungkinan keuntungan daripada urus niaga perniagaan.

“Ini membolehkan sistem percukaian anggaran dapat dibuat oleh LHDN. Perlu difahami, LHDN adalah agensi yang ada kuasa membuat tafsiran anggaran, yang mana jika mereka tidak berpuas hati dengan apa dikesan oleh pembayar cukai, mereka boleh menuntut penjelasan dan bukti sokongan.

“Ini selaras dengan aliran ‘Big Data Advance Analytics’, yang mana ia digunakan secara meluas ketika ini.

“Melalui ‘Big Data’ ini, semua data urusan perniagaan dan kewangan akan dikutip dan dapat digunakan LHDN bagi menentukan kemungkinan cukai yang boleh dituntut,” katanya.

Mengenai kebimbangan kebororan data dan maklumat melalui e-invois, beliau menegaskan, dalam era digital, data dan maklumat tidak lagi menjadi rahsia.

“Big Data Advance Analytics’ menyebabkan tiada siapa yang boleh menyimpan rahsia ini kerana ia sudah menjadi maklumat umum,” katanya.

Dengan langkah itu juga, kerajaan tidak perlu mengenakan sebarang cukai baharu kepada rakyat dalam masa terdekat



Barjoyai Bardai,
Pakar ekonomi

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM